



PEKELILING KEWANGAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

BIL. 3 TAHUN 2019

Semua Pegawai Pengawal,
Negeri Perak Darul Ridzuan.

**PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) BAJET 2019
KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI PERAK**

PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) BAJET 2019 KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI PERAK

1. TUJUAN

- 1.1 Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk memberi Bantuan Khas Kewangan (BKK) Bajet 2019 sebanyak sebulan gaji atau minimum RM2,000 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri, dan dilaksanakan melalui dua kali pembayaran.
- 1.2 Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan kaedah pembayaran kali kedua BKK Bajet 2019 tersebut.

2. PEGAWAI YANG LAYAK DIBAYAR

- 2.1 BKK Bajet 2019 layak diterima oleh anggota pentadbiran Kerajaan Negeri, pegawai lantikan tetap, pegawai yang dipinjamkan ke / dari agensi Negeri, lantikan *contract of service*, dan lantikan *contract for service* yang **masih berkhidmat pada tarikh pembayaran BKK Bajet 2019 iaitu pada 15 Mei 2019 (Rabu)** dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut (termasuk semua jenis cuti bergaji penuh yang layak) dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 15 Mei 2019.
- 2.2 Bagi maksud pembayaran BKK Bajet 2019 kali kedua ini, ia dibayar pada kadar setengah bulan gaji terkini (Mei 2019) pegawai atau RM1,000, mengikut mana yang lebih tinggi.

3. PEGAWAI LANTIKAN BARU, BARU BERPINDAH DARI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN DAN MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN

- 3.1 Tertakluk kepada para 2.1, pegawai berikut adalah layak di bayar BKK Bajet 2019 secara *pro-rata*:
 - i. Pegawai awam yang baru dilantik di dalam tahun 2019;
 - ii. Pegawai baru berpindah dari Perkhidmatan Awam Persekutuan; dan

iii. Pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan.

3.2 Formula perkiraan bagi pembayaran BKK untuk para 3.1 adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Hari Berkhidmat} \times \frac{1}{2} \times [\text{Gaji Pokok atau RM2,000}]}{135 \text{ hari}}$$

4. PEGAWAI YANG BERSARA

4.1 Pejabat Kewangan Negeri akan mengeluarkan pekeliling khusus berkenaan pegawai yang bersara wajib atau pilihan.

5. PEGAWAI YANG BERCUTI TANPA GAJI, BERCUTI SEPARUH GAJI DAN BERCUTI BELAJAR SEPENUH MASA

5.1 Tertakluk kepada para 2.1, kakitangan yang bercuti tanpa gaji (CTG), bercuti separuh gaji (CSG) dan bercuti belajar sepenuh masa (CBBP) adalah layak dibayar BKK Bajet 2019 secara *pro-rata* mengikut formula berikut:

$$\frac{(\text{Hari Berkhidmat-CTG-CSG-CBBP}) \times \frac{1}{2} \times [\text{Gaji Pokok atau RM2,000}]}{135 \text{ hari}}$$

6. PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BAYARAN

6.1 Tertakluk dengan para 2.1, pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib adalah ditangguhkan bayaran BKK Bajet 2019.

6.2 Pegawai hanya layak dibayar BKK Bajet 2019 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib memutuskan pegawai tersebut tidak bersalah.

7. PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

7.1 Berikut adalah senarai pegawai yang tidak layak dibayar BKK Bajet 2019:

- i. Pegawai yang berkhidmat kurang dari 30 hari berturut-turut (termasuk semua jenis cuti bergaji penuh yang layak) dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 15 Mei 2019;
- ii. Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam 1 Januari 2019 hingga 15 Mei 2019; dan
- iii. Pegawai yang telah meletak jawatan, tamat kontrak atau telah ditamatkan perkhidmatan dari perkhidmatan awam sebelum tarikh pembayaran BKK Bajet 2019.

8. PEGAWAI SAMBILAN HARIAN (PSH)

8.1 Tertakluk kepada para 2.1, BKK Bajet 2019 sebanyak RM500.00 dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) mengikut perkiraan berikut:

(Hari Berkhidmat) x RM500

<hr/>
135 hari

8.2 Hari berkhidmat bagi maksud pembayaran di para 8.1 adalah perkiraan hari berkhidmat di dalam perkhidmatan awam Negeri termasuk semua jenis cuti umum, cuti Sabtu dan Ahad serta lain-lain cuti yang layak kepadanya.


9. PEMBAYARAN

- 9.1 Pembayaran BKK Bajet 2019 ini adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran, atau jabatan terakhir pegawai berkhidmat.
- 9.2 Bagi maksud formula perkiraan:
- i. Gaji Pokok merujuk kepada Gaji Pokok pegawai pada bulan Mei 2019, TIDAK termasuk apa-apa elaun lain; dan
 - ii. 'Hari Berkhidmat' adalah perkiraan hari berkhidmat di dalam Perkhidmatan Awam Negeri, termasuklah semua jenis cuti bergaji penuh yang layak, dengan anggapan bahawa pegawai masih berkhidmat sehingga 15 Mei 2019.
- 9.3 Sekiranya pegawai berkenaan tidak terus berkhidmat sehingga 15 Mei 2019 atas apa-apa alasan, **pelarasan semula BKK Bajet 2019 perlu dilaksanakan oleh jabatan pembayar.**
- 9.4 Tertakluk kepada para 2.1, kakitangan yang meletak jawatan dalam tahun semasa untuk mengambil jawatan yang lebih baik dalam perkhidmatan Negeri (PSH ke kontrak / tetap atau kontrak ke tetap), perkhidmatannya dianggap bersambung dan layak dibayar BKK ini tertakluk dengan para-para lain dalam pekeliling ini.
- 9.5 Tarikh pembayaran BKK Bajet 2019 ialah **15 Mei 2019 (Rabu).**

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ABU BAKAR BIN HAJI SAID)

Pegawai Kewangan Negeri
Perak Darul Ridzuan.

Tarikh : **30** April 2019.

Salinan kepada:

1. YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan.
2. Bendahari Negeri Perak
Pejabat Kewangan Negeri Perak.
3. Pegawai Teknologi Maklumat
Pejabat Kewangan Negeri Perak.

Pekeliling ini boleh di muat turun melalui
<http://kewangan.perak.gov.my>